Rujukan : UKM PDF/224/3
Tarikh: 26 Muharam 1439H
17 Oktober 2017

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 10/2017**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA**
**FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN CUTI BELAJAR**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan bahawa Jawatankuasa Cuti Belajar dan Biasiswa Bil.6/2017 pada 21 September 2017 telah menetapkan bagi permohonan Cuti Belajar, setiap pemohon perlu menyelesaikan dan melengkapkan maklumat di dalam senarai semak Borang Permohonan Cuti Belajar UKM-SPKP-JP-PK06-BO01 sebelum permohonan dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Cuti Belajar dan Biasiswa.

2. Pemohon juga diminta untuk mengisi borang permohonan tersebut secara *online* dan manual di laman sesawang www.ukm.my/spcb. Borang tersebut perlu dikemukakan ke Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dengan lengkap berserta dokumen yang diperlukan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam pekeliling yang diedarkan oleh Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar pada setiap awal tahun dan setiap bulan.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan memaklumkan perkara ini kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan. Untuk perhatian, Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar akan memproses borang yang lengkap dan memenuhi syarat sahaja.

4. Sebarang maklumat lanjut,, pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UKM di talian 03-8921 5146 / 3580 / 4458 / 5008 / 5089 atau e-mel upk.bsm@ukm.edu.my

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Terima kasih.

***'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'***

Salam hormat

**ABD RAZAK HUSSIN**
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
- Pemangku Pengurus, Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar